



UNIVERSITI KUALA LUMPUR

ROYAL COLLEGE OF MEDICINE PERAK

PRESS RELEASE (Bahasa Malaysia)

Event : PERASMIAN PROGRAM UNIVERSITI DALAM TAMAN HERBA UNIKL RCMP 2010

Date : 22 JUNE 2010

Venue : UNIKL ROYAL COLLEGE OF MEDICINE PERAK

UniKL Royal College of Medicine Perak Lancarkan Taman Herba untuk Perubatan Alternatif

Pada 22 Jun 2010, Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak yang bertempat di Ipoh Perak telah melancarkan Program Universiti Dalam Taman Herba, di mana acara perasmian telah disempurnakan oleh Yg Berbhg Prof Dr Hj Hashami bin Bohari, Ketua Kampus atau Dekan UniKL RCMP. Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Farmasi, dan En Tengku Azlan Shah bin Tengku Mohammad telah dilantik selaku ketua projek. Acara yang telah disempurnakan di hadapan 200 kakitangan UniKL RCMP itu turut dihadiri oleh En S. Balachandaran, kaunselor yang dilantik daripada Taman Herba Kg Kepayang, Batu Gajah, Perak.

Antara objektif-objektif program ini adalah:

1. Menjadikan UniKL RCMP sebagai kampus Universiti Dalam Taman Herba.
2. Menjadikan UniKL RCMP sebagai kawasan rujukan IPTA/IPTS lain dalam kaedah utama penanaman tumbuhan herba pada masa akan datang.
3. Menjadikan UniKL RCMP sebagai kampus yang boleh menyediakan sumber rujukan kepada pelajar-pelajar yang ingin membuat kajian mengenai tumbuhan herba.
4. Menyemai sikap menghargai tumbuhan dan tanaman dalam setiap diri pekerja dan pelajar UniKL RCMP.
5. Manfaat setiap herba mengenai khasiat dan kegunaannya dapat digunakan oleh pekerja dan pelajar kampus.
6. Mengindahkan kawasan persekitaran bangunan kampus universiti dengan kawasan hijau serta kawasan yang tersusun dengan pelbagai tanaman herba.
7. Menjadikan UniKL RCMP sebagai kampus universiti yang menyokong kempen menghijaukan persekitaran bumi disamping menyegarkan kawasan sekeliling dan menyejukkan kawasan dengan tanaman herba yang pelbagai.

Di dalam ucapan Dekan kampus UniKL RCMP, beliau berharap dengan adanya Taman Herba seperti ini, ianya dapat dijadikan sebagai satu faktor penting untuk halatuju UniKL RCMP pada masa hadapan. Beliau juga menambah bahawa tindakan ini adalah sejajar dengan misi UniKL RCMP untuk menjadikan perubatan alternatif sebagai salah satu halatuju kampus yang mampu berdaya saing dalam penyelidikan perubatan alternatif dan berharap UniKL RCMP akan menjadi satu-satunya kampus perubatan yang bergiat aktif dalam bidang perubatan alternatif seperti ini. Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa UniKL RCMP akan menjalankan 4 teras utama bagi menjamin kecemerlangan UniKL RCMP, iaitu, bergiat dalam penyelidikan rawatan kanser, kesihatan mental, kesihatan reproduktif dan perubatan alternatif. Di majlis ini juga Dekan telah mengumumkan bahawa UniKL RCMP akan menawarkan program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan alternatif, seperti yang ada ditawarkan di negara China. Tambahan beliau, UniKL RCMP juga telah memulakan proses untuk bekerjasama dengan kerajaan Cuba bagi memantapkan lagi hasil penyelidikan perubatan alternatif di negara ini.

Pada majlis tersebut juga, para kakitangan UniKL RCMP telah didedahkan dengan pengetahuan dan maklumat mengenai khasiat-khasiat pokok-pokok herba yang akan di tanam di sekitar perkarangan UniKL RCMP. Acara kemudian diakhiri dengan aktiviti menanam pokok yang dimulai oleh Ketua Kampus sendiri, dan dituruti oleh para kakitangan UniKL RCMP. Pada peringkat pertama ini, perkarangan UniKL RCMP akan ditanam dengan 30 jenis tanaman herba, dan bilangan pokok akan ditambah dari masa ke semasa sehingga mencapai lebih 200 species tanaman herba.



Photo: Ucapan perasmian oleh Prof Dr Hj Hashami Bin Bohari, Dekan / Ketua Kampus UniKL RCMP



Photo: Ketua Kampus Prof Dr Hj Hashami Bohari sedang menanam pokok herba, sambil diperhatikan oleh Ketua pegawai Operasi UniKL RCMP En Mohd Arif Mastol, Kapt (B) Zabani Abdul dan En Tengku Azlan Shah Tengku Mohamad selaku Ketua projek.

Prepared By:

Reviewed & Approved:

Approved by:

Nor Adela Dinyati
Asst. Manager
Marketing & Corporate Comm